

**M**enyedari kepentingan insurans dalam kehidupan masa kini, memberi peluang kepada Encik Zaidy Maslan mengambil keputusan menjadikannya sebagai sebahagian daripada aktiviti yang dapat menyumbang pendapatan lumayan.

Walaupun kerjaya ini lebih kepada penjualan produk seperti insurans hayat, perubatan, pendidikan dan kesihatan, namun tugas sebagai ejen lebih kepada mendidik orang ramai mengenai kepentingan memiliki perlindungan berkenaan.

Keputusan menyediakan perlindungan itu penting sebagai persiapan ketika berhadapan dengan keadaan di luar jangkaan.



Encik Zaidy

kerana berpeluang membina keyakinan dalam diri seorang yang pendiam kepada individu yang mudah berkomunikasi secara berkesan.

Katanya, dia lebih selesa bekerja dalam bidang ini kerana pendapatan sebagai ejen insurans tiada hadnya bergantung kepada keupayaan individu untuk mencapai tahap optimum.

"Banyak cabaran saya lalui ketika mula berkecimpung dalam bidang ini terutamanya apabila terpaksa menunggang motosikal setiap hari sejahter 100 kilometer dari Semenyih ke Kuala Lumpur, untuk bertemu pelanggan."

"Ketika mula bertapak juga, dia mengalami masalah untuk meluaskan bergiatan dalam bidang ini saya mengalami masalah meluaskan jaringan kerana tidak mempunyai ramai rakan," katanya.

# Kerjaya insurans meningkatkan kesedaran saat kecemasan



Encik Zaidy (kanan) bersama-sama pelanggannya.

Anak kelahiran Selangor ini mula membabitkan diri secara aktif dalam bidang berkenaan sejak tahun 2008 dan sanggup meninggalkan pengajian pada tahun akhir dalam ijazah sarjana bagi membolehkannya memberi tumpuan untuk mengembangkan kerjayanya.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Bio Perubatan, Universiti Putra Malaysia, dan meninggalkan pengajian dalam

bidang Sarjana Nutrisi pada tahun akhir.

Encik Zaidy, 32, berkata, kerjaya ini memberi kepuasan kepada dirinya kerana dapat mendidik masyarakat mengenai pentingnya perlindungan insurans.

Katanya, pemerhatian mendapati, masyarakat di negara ini kurang memberi perhatian serius kepada perlindungan insurans berbanding masyarakat di negara maju.

"Keadaan menyebabkan

"KERJAYA INI MEMBERI KEPUASAN KEPADA SAYA KERANA DAPAT MENDIDIK MASYARAKAT MENGENAI PENTINGNYA PERLINDUNGAN INSURANS. PADA PANDANGAN SAYA MASYARAKAT DI NEGARAINI KURANG MEMBERI PERHATIAN SERIUS KEPADA PERLINDUNGAN INSURANS BERBANDING MASYARAKAT DI NEGARA MAJU"

Encik Zaidy

mereka terpaksa bergolok gadai apabila berlaku kecemasan, kerana tidak membuat perancangan kewangan pada peringkat awal," katanya.

Kos rawatan yang semakin meningkat katanya, adalah antara faktor utama masyarakat perlu lebih berpengetahuan mengenai pentingnya perlindungan insurans bagi menampung kos rawatan jika berlaku keadaan tidak diiduga.

Dia memilih kerjaya ini

Kerjaya ini katanya, memberi pulangan yang sungguh lumayan. Perolehan itu perlu digunakan semula untuk memberikan perkhidmatan kepada pemegang polisi dengan sentiasa bertemu mereka dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan hubungan sedia ada.

Bagi yang berminat mengetahui mengenai insurans yang ditawarkan boleh menghubungi Encik Zaidy di laman Facebook beliau Zaidy Maslan.